



# EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM BILL 2017

## RANG UNDANG-UNDANG SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017

17 Disember 2017



# **RUU SIP 2017**

RUU SIP 2017 mengandungi 10 bahagian dan 90 fasal seperti berikut:

**Bahagian 1: Permulaan**

**Bahagian 2: Pentadbiran SIP**

**Bahagian 3: Jawatankuasa**

**Bahagian 4: Pendaftaran & Caruman**

**Bahagian 5: Faedah**

**Bahagian 6: Program Penempatan Semula Pekerjaan**

**Bahagian 7: Peruntukan Kewangan**

**Bahagian 8: Jemaah Rayuan**

**Bahagian 9: Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan, Penguatkuasaan & Penyiasatan**

**Bahagian 10: Pelbagai**

BAHAGIAN	PERKARA
<p><b>Bahagian I</b> <b>(Fasal 1-3)</b></p>	<p><u><b>Bahagian 1 – Permulaan</b></u></p> <p>Fasal 1: Memperuntukkan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa (yang akan ditetapkan melalui perintah Menteri)</p> <p>Fasal 2: RUU SIP terpakai kepada semua perusahaan yang mempunyai satu atau lebih pekerja. Tetapi tidak terpakai bagi orang yang dikecualikan dalam Jadual Pertama</p> <p>Fasal 3: Tafsiran (<i>interpretation</i>)</p>
<p><b>Bahagian II</b> <b>(Fasal 4-7)</b></p>	<p><u><b>Bahagian 2 – Pentadbiran Sistem Insurans Pekerjaan</b></u></p> <p>■ Memperihalkan tentang penubuhan SIP yang ditadbir oleh PERKESO, punca kuasa Lembaga PERKESO, pelantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah, kuasa PERKESO memegang harta serta penjalanan kuasa dan fungsi PERKESO.</p>

BAHAGIAN	PERKARA
<b>Bahagian III (Fasal 8-12)</b>	<p data-bbox="512 268 1154 318"><u><b>Bahagian 3 – Jawatankuasa</b></u></p> <ul data-bbox="512 382 2491 832" style="list-style-type: none"><li data-bbox="512 382 2491 604">■ Bahagian ini memperuntukkan penubuhan “Jawatankuasa Insurans Pekerjaan” – Pengerusi &amp; Timbalan Pengerusi; 9 wakil kerajaan; 3 wakil majikan; 3 wakil kesatuan; dan 3 wakil anggota lain yang berpengalaman dalam insurans pekerjaan, perburuhan dan pelaburan</li><li data-bbox="512 668 2491 832">■ Fasal 9 memberi kuasa Lembaga menubuhkan apa-apa Jawatankuasa yang difikirkan perlu, ketidaklayakan pelantikan dan pemberhentian keanggotaan serta penzahiran kepentingan anggota jawatankuasa.</li></ul>
<b>Bahagian IV (Fasal 13-26)</b>	<p data-bbox="512 975 1429 1025"><u><b>Bahagian 4 – Pendaftaran dan Caruman</b></u></p> <ul data-bbox="512 1089 2491 1196" style="list-style-type: none"><li data-bbox="512 1089 2491 1196">‡ Memperuntukkan berkaitan pendaftaran majikan dan pekerja, kewajipan membayar caruman dan hal-hal lain berkaitan pembayaran caruman</li></ul>

BAHAGIAN	PERKARA
<p><b>Bahagian V</b> <b>(Fasal 27-43)</b></p>	<p><u><b>Bahagian 5 – Faedah SIP</b></u></p> <p>‡ Bahagian ini memperuntukkan prosedur tuntutan faedah, penentuan kehilangan pekerjaan, syarat kelayakan caruman, faedah-faedah yang diberikan dan hal-hal lain berkaitan pembayaran faedah serta hak Orang Berinsurans (OB).</p>
<p><b>Bahagian VI</b> <b>(Fasal 44-45)</b></p>	<p><u><b>Bahagian 6 – Program Penempatan Pekerjaan Semula</b></u></p> <p>‡ Memerihalkan tentang program penempatan pekerjaan semula dan kuasa PERKESO untuk menubuhkan pusat atau institut bagi melaksanakan program ini</p>
<p><b>Bahagian VII</b> <b>(Fasal 46-58)</b></p>	<p><u><b>Bahagian 7 – Peruntukan Kewangan</b></u></p> <p>‡ Memperuntukkan penubuhan Kumpulan Wang Insurans Pekerjaan (KWIP) dan perbelanjaan KWIP, kuasa, tanggungjawab dan kewajipan PERKESO dalam hal berkaitan kewangan</p>

## BAHAGIAN

## PERKARA

### **Bahagian VIII (Fasal 59-66)**

### **Bahagian 8 – Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial**

- Bahagian ini memperuntukkan kuasa kepada Jemaah Rayuan untuk memutuskan apa-apa persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan yang berkaitan dengan SIP
- Prosiding Jemaah Rayuan
- Kuasa Jemaah Rayuan seperti Hakim Mahkamah Sesyen
- Perwakilan dalam prosiding Jemaah Rayuan
- Rujukan kepada Mahkamah Tinggi, rayuan kepada Mahkamah Tinggi dan penggantungan pembayaran sementara menunggu rayuan

## BAHAGIAN

## PERKARA

### Bahagian IX (Fasal 67-77)

### Bahagian 9 – Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan, Penguatkuasaan dan Penyiasatan

- ➔ Bahagian ini memperuntukkan pelantikan dan fungsi Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan
- ➔ Kuasa untuk memeriksa premis latihan
- ➔ Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan
- ➔ Kuasa meminta maklumat berkaitan rekod bayaran caruman atau tuntutan faedah
- ➔ Denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara 2 tahun bagi kesalahan fraud, pemalsuan bayaran caruman, atau tuntutan bagi faedah
- ➔ Denda atau penjara bagi kesalahan dalam mengemukakan dokumen palsu atau mengelirukan, menandatangani apa-apa dokumen atau maklumat yang tidak benar atau tidak betul
- ➔ Kuasa pendakwaan dengan keizinan Pendakwa Raya
- ➔ Kuasa Menteri membuat peraturan pengkompaunan kesalahan yang boleh dikompaun

## BAHAGIAN

## PERKARA

**Bahagian X**  
**(Fasal 78-90)**

**Bahagian 10 – Am**

- ◆ Bahagian ini memperuntukkan penyimpanan rekod
- ◆ Pelantikan ejen pemungut (18 bank)
- ◆ Kuasa untuk menubuh atau mengambil alih syarikat
- ◆ Kuasa untuk membuat pengecualian (*coverage*)
- ◆ Kuasa untuk membuat peraturan
- ◆ Syor untuk mengkaji semula SIP, kemampuan dana dan sebagainya
- ◆ Pengemukaan dokumen secara elektronik
- ◆ Kuasa-kuasa lain



**EMPAT JADUAL DI BAWAH  
RUU SIP 2017**

## BAHAGIAN

## 4 JADUAL DALAM RUU SIP

### JADUAL PERTAMA (Fasal 2)

- Jadual Pertama adalah mengenai senarai orang yang dikecualikan daripada pemakaian Akta
  - ▶ pekerja domestik, suami atau isteri majikan (Akta 4), anggota perkhidmatan awam, PBT, belum berumur 18 tahun, lebih drp 60 tahun, tidak mencarum kepada SIP ketika mencapai umur 57 tahun
  - ▶ pekerja asing (Menteri boleh mengecualikan PA - di bawah Fasal 83)

### JADUAL KEDUA (Fasal 18)

- Jadual Kedua memperincikan jumlah caruman pekerja dan majikan
- Kadar caruman (seperti di Jadual Kedua RUU SIP) berdasarkan kadar caruman 0.2% majikan dan 0.2% pekerja
- (Dewan Rakyat meluluskan RUU SIP dengan pindaan Jadual Kedua Bahagian II, III dan IV digugurkan)

## BAHAGIAN

## 4 JADUAL DALAM RUU SIP

### JADUAL KETIGA



(Fasal 18, 34, 35,  
37)

- Jadual Ketiga menjelaskan Faedah / Elaun SIP iaitu:
  - ▶ EMP – elaun mencari pekerjaan (80% hingga 30%)
  - ▶ EBSA – elaun bekerja semula awal (25%)
  - ▶ EPB – elaun pendapatan berkurangan (amaun sama seperti EMP)
  - ▶ EL – elaun latihan (RM10 – RM20 sehari)
  - ▶ YL – yuran menjalani latihan (max RM4,000)
- Bantuan EMP dibayar secara menurun iaitu dari 80%, 50%, 40%, 40%, 30%, 30%
- Gaji bulanan anggapan mengikut Jadual Ketiga di Bahagian I RUU

### JADUAL KEEMPAT

(Fasal 32, 34, 36)

- Syarat Kelayakan Caruman (CQC)
- Setiap tuntutan EMP dari ‘tuntutan pertama’ hingga tuntutan terakhir iaitu antara 7 hingga 12 kali tuntutan bagi umur dari 18 hingga 60 tahun



**Untuk maklumat lanjut, sila layari website**

[www.perkeso.gov.my/sip](http://www.perkeso.gov.my/sip)